

**UMNO dan Najib**  
**Chedet.cc**  
**16 May 2016**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

Wahai Wakil Rakyat UMNO,

Apakah Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak tahu dan tidak sedar akan skandal-skandal yang melibatkan Perdana Menteri yang memburukkan imej UMNO dan imej negara?

Jika tidak sedar saya perturunkan disini sedikit sahaja dari salahlaku Najib supaya Yang Berhormat dapat faham akan betapa seriusnya kerosakan yang dilakukan oleh Najib.

a) Najib menubuh "Dana Kekayaan Negara" dengan meminjam RM 42 billion, – sekali gus meningkatkan hutang negara kerana hutang ini dijamin oleh Kerajaan. Tak mungkin syarikat hutang 42,000 kali ganda modal tanpa jaminan.

b) Pelaburan yang dibuat semuanya rugi sehingga tidak dapat bayar faedah pun.

c) Wang yang dipinjam ini sudah hilang sehingga tidak boleh dikesan dengan sah dimana wang ini berada.

d) Tiba-tiba wang sebanyak RM 2.6 billion berada dalam akaun persendirian Najib di Ambank.

e) Agensi-agensi Kerajaan Amerika Syarikat, Switzerland, Singapura, Hong Kong, Luxembourg, United Kingdom, Seychelles dan Emiriah Arab Bersatu sedang menyiasat salahlaku dan rasuah yang melibatkan 1MDB.

f) Switzerland mendakwa berlaku korupsi sebanyak USD 7 billion dalam pengurusan 1MDB.

g) Singapura menangkap seorang pegawai bank yang terlibat dengan salahlaku 1MDB.

h) Malaysia dipandang hina dan Menteri Kewangannya didakwa sebagai Menteri Kewangan yang terburuk di Asia.

i) Laporan oleh PAC mencatat akan penipuan besar berlaku dalam 1MDB. Ini diakui oleh CEO 1MDB Arul Kanda Kandasamy.

j) Mesyuarat agong UMNO tidak dibenar bincang 1MDB dan RM 2.6 billion yang ada dalam akaun bank Najib.

k) Jika ahli atau pemimpin UMNO menyoal berkenaan 1MDB, mereka dipecat. Ahli UMNO hanya dibenar sokong apa sahaja yang Najib lakukan. Tidak seperti dahulu tiada siapa boleh menegur atau mencabar Najib sebagai Presiden. UMNO tidak ada suara lagi.

Dan banyakkah lagi kesalahan dan salahguna kuasa yang dilakukan oleh Dato Sri Najib.

Yang Berhormat-Yang Berhormat,

UMNO ialah parti keramat yang mengalahkan Malayan Union British, yang memerdekakan Malaya dan Malaysia, yang berjaya membangunkan negara sehingga hampir menjadi Negara maju.

Tetapi hari ini nama UMNO sudah menjadi begitu buruk, sudah digelak ketawa, dihina dan ditolak oleh sebilangan yang besar orang Melayu dan bukan Melayu didalam negara.

Semua ini disebabkan oleh Najib dengan kepercayaannya bahawa "Cash is King" iaitu rasuah adalah cara memerintah.

Wahai Yang Berhormat, wakil-wakil rakyat UMNO. Tidakkah kamu sayang parti keramat ini yang telah begitu berbakti dan berjasa kepada bangsa, negara dan agama? Dan kepada kamu dan keluarga kamu.

Tidakkah kamu tergerak hati untuk membelakangkan kepentingan diri demi bangsa dan negara?

Segala yang merosakkan UMNO dilakukan oleh Dato Sri Najib.

Selagi ia menjadi Perdana Menteri pemulihan negara tercinta ini tidak akan dapat dilakukan.

Hanya dengan penyingkiran Najib sahaja baharulah Perlembagaan dan Undang-Undang Negara dikuatkuasakan semula dan Malaysia kembali sebagai negara berdaulat yang dihormati dunia.

Yang Berhormat-Yang Berhormat,

Rakyat memilih Yang Berhormat kerana mereka percaya Yang Berhormat akan menyuarakan dan mempertahankan hak mereka.

Sekarang berjuta-juta rakyat menolak Najib. Percayalah UMNO dan BN akan kalah dalam PRU 14.

Rakyat dan anak cucu akan kutuk YB kerana menghancurkan UMNO dan membawa malapetaka kepada negara. Tak mungkin apa-apa pemulihan dibuat dari dalam UMNO. UMNO sekarang bukan lagi UMNO yang ditubuh dahulu. Yang ada hanyalah parti Najib. Dan ahli serta pemimpin UMNO yang menyokong parti Najib ini mengkhianati UMNO, bangsa, negara dan agama. Oleh itu sertailah mereka yang menolak Najib sebagai Perdana Menteri supaya UMNO dapat dipulih dan dihormati semula dan maruah bangsa dan negara tertebus.

ENG VERSION

O UMNO Elected Representatives,

Is it possible that Your Honourables do not know and are not aware of the scandals involving Prime Minister who had tarnished UMNO's and the country's image?

If you have not realized, let me list to you here a few of Najib's misconducts so that Your Honourables can understand the seriousness of the damage done by Najib.

a) Najib had established "Sovereign Wealth Fund" to borrow RM42 billion, – simultaneously raising the country's debt because the debt is secured by the Government. It is not possible for a company to borrow 42,000 times its capital without collateral.

b) Investments made all suffered losses so that it cannot even service the interest.

c) The money borrowed has been lost so that it cannot be legitimately traced where the money are.

d) Suddenly a sum of RM2.6 billion appeared in Najib's private account in AmBank.

e) Government Agencies of the United States, Switzerland, Singapore, Hong Kong, Luxembourg, United Kingdom, Seychelles and United Arab Emirates are investigating misconducts and corruption involving 1MDB.

f) Switzerland alleged corruption of USD7 billion by the management of 1MDB.

g) Singapore arrested a banker involved in 1MDB misconduct.

h). Malaysia is despised and its Finance Minister Is labelled the worst Finance Minister in Asia.

i) The report by PAC recorded that major frauds had occurred in 1MDB. This has been confirmed by 1MDB CEO, Arul Kanda Kandasamy.

j) The 1MDB and the RM2.6 billion existing in Najib's bank account are not allowed to be discussed in the General Meeting of UMNO.

k) If any member or leader of UMNO were to question anything about 1MDB, they are fired. UMNO members would only be allowed to support anything that Najib does. Unlike previously, no one can criticize or challenge Najib as President. UMNO has no voice anymore.

And there are many more errors and abuses committed by Dato Sri Najib.

Your Honourables,

UMNO is the sacred party that defeated the British Malayan Union, which liberated Malaya and Malaysia, which succeeded in developing the country so as to become an almost developed nation.

But today, UMNO's name has become so rotten, it has become a laughing stock, despised and rejected by a large number of Malays and non-Malays in the country.

All this is caused by Najib with his belief that "Cash is King", that corruption is the way to administer.

Your Honourables, Umno elected representatives. Do not you love this party that had devoted and contributed so much to the race, nation and religion? And to you and your family.

Have you not got in your the heart to ignore self-interest for the sake of your country?

All the damage suffered by UMNO is done by Dato Sri Najib. As long as he remains the Prime Minister, the recovery of this beloved country will not be possible.

Only with the removal of Najib can the Constitution and Laws of the Nation be re-enforced and Malaysia restored as a sovereign nation respected worldwide.

Your Honourables,

People choose Your Honourables because they believe Your Honourables will voice and defend their rights.

Now millions of people have rejected Najib. Believe me, Umno and BN will lose in the 14th General Election.

People and generations to come will curse Your Honourables for destroying UMNO and bringing chaos to the country. There can never be any recovery made from within UMNO. UMNO now is not like UMNO when it was first established. What is left is just Najib's party. And UMNO members and leaders who are supporting this party of Najib are betraying the race, nation and religion. So, join those who had rejected Najib as Prime Minister so that UMNO can recover and be respected and dignity of the nation redeemed.

62 thoughts on "UMNO dan Najib"



1. [Log in to Reply](#) **HouseWife** May 20, 2016 7:59 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, saya tak faham la apa lagi orang2 ini mahu dengan Tun, dan siap salahkan Tun tak habis2. Nak Tun ulang balik cerita kisah "Si Dia yang Degil" ka?

Bukankah Tun dah berkali2 hulur bantuan dan nasihat2 berjela2 tapi si dia tak ambil endah? Bukankah si dia telah bawa masuk ke tanahair kita, melantik, membayar berbillion2 satu 'gerombolan bijaksana' jadi punahsihat...oops, silap tersasul...penasihat2 si dia? Zaman Pak Lah pun dah ada 'The young turks of Tingkat 4' kan. Bukankah mereka ini yang duduk atas takhta pegang kuasa? Bukan lagi Tun. So dengan kuasa yang dalam gengaman bolehlah mereka perbetulkan yang tak betul...atau tak betulkan yang betul...atau biarkan saja...apa?...yang betul? yang tak betul? Like what DSN is doing now...change this change that, kick this one out kick that one in, now you see now you don't...dan lagi dan lagi... So to my understanding, with the power in hand, DSN has every opportunity to rectify or amend any laws or rules according to his whims and fancies, right.

So please janganlah lanyak Tun lagi. Sila buka mata dan minda luas-luas. Tengok dengan mata je tak nampak, kena tengok dengan mata hati. Who get the most benefits? Who get the biggest pie? Please don't say us the rakyat, the oppressed rakyat who has to fend DSN's government because of his 'billion dollar advisers' who unethically jeopardise this country. I mean, do they really care what happen to this country and us? Where are they? They fled!

Kenapalah DSN bergantung pada 'otak' orang2 asing ni? Kenapalah DSN tidak mahu belajar daripada Tun? Kenapalah DSN tidak mahu terima tunjuk ajar selok belok urus tadbir ekonomi negara daripada Tun? Apa salahnya kutip khazanah ilmu daripada Tun. Tun is a great thinker and strategist. Tun wants us to think why he does this and why he does that. Ilmu yang ada pada Tun so full so precious. Rugilah sapa tak ambil peluang yang ada ini belajar daripada Tun. Mana nak dapat ilmu Tun ni? Orang yang sombong adalah orang yang rugi. Harap Tun tulis banyak buku untuk rujukan generasi masa depan.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Take extra care Tun. And Thank you Tun.



2. [Log in to Reply](#) **Hajar** May 20, 2016 4:38 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi & DiSanjung Tun,

1. Nampaknya makin ramai 'bala tentera' rejim Najib melawat blog Chedet. Selamat datang kepada mereka.
- 2, Kadang2 saya geleng kepala lihat komen sesetengah pihak. "Gajah depan mata (kesalahan besar dan nyata) tidak nampak, kuman di seberang boleh nampak", tapi berdolak-dalik untuk menjustifikasi apa yang mereka rasa salah / betul (konon merekalah orang yg berAMANAHAH, berAKHLAK dan BETUL, orang lain tidak). Ada juga yang beri pendapat tanpa tahu fakta sebenar.
3. 'Dr Jafri' yang 'bijak bistari' pula tidak faham ciri UTAMA seorang PENTAKSUB. Seorang pentaksub akan menyokong orang / golongan yang di 'taksubi / puja' walaupun orang/golongan tersebut sah2 telah melakukan SALAH LAKU serius yang ada BUKTI kukuh. Orang yang TAKSUB akan berhujah bermati-matian ('all-out') untuk 'menegak benang basah' bagi pihak 'tuannya' dengan apa cara sekali pun termasuk membuat tuduhan2 melulu dan memfitnah (juga meletak kesalahan sendiri kepada pihak musuh) semata-mata mahu menyakiti hati dan memburukkan pihak yang beliau 'musuhi' atau serang. Mungkin 'Dr Jafri' lupa salah satu sifat orang MUNAFIK yang beliau sendiri tulis di sini. Agaknya siapa yang TAKSUB?
4. Tun M bukan ahli mana2 parti politik wahai 'Dr Jafri'. Jangan tunjuk kejah\*lan anda di sini. Dr. jangan buat malu 'company'...
5. Saya tolak DSN (& gang) sebab saya sendiri nampak salah laku beliau sebagai Presiden UMNO dan PM Malaysia.
6. 'Parti/Rejim Najib' mesti ditumbangkan pada PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar. Tolak ketepi apa2 sentimen kepartian jika mahu menyingkirkan DSN – rakyat tertindas mesti bersatu.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

3.  [Log in to Reply Dr Jafri](#) May 20, 2016 10:16 AM

Kecacatan sistem warisan dari pentadbiran era Tun, dalam semua aspek terpaksa ditanggung oleh presiden UMNO yg baharu.

Tidak keterlaluan jika saya kata, sampah sarap ekonomi seperti bangkai bank Bumi, industri keluli Perwaja, procurement Petronas, skandal timah Maminco, kereta Protun, Pergau dan Bakun Dam, perjudian Forex dan banyak lagi.

Kesan negatif dari bencana ekonomi di bawah kerajaan BN pimpinan Tun sebenarnya sangat sukar ditangani oleh pengganti beliau tanpa bantuan dan bimbingan dari Tun sendiri.

Seharusnya, Tun dilantik sebagai penasihat utama ekonomi kerajaan oleh PakLah dan Najib, jika benar pembaikan sistem mahu dilaksanakan.

4.  [Log in to Reply daeng](#) May 20, 2016 6:46 AM

Assalamualaikum Tun.

Ada orang menggelarkan dirinya sebagai "Dr" Jafri menyebut pasal tasksub.

Dia ni tak faham bahasa atau bodoh. Buatlah kajian sikit tentang "ilmu jiwa" dan letakkan diri kamu tu dalam situasi yang berbeza agar faham apa yang Tun dan kami mahukan.

Dr Jafri mahu saya ajar kah? Naji\$ Razak tu dah buta hati, kamu juga serupa. Sedikit clue saya beri untuk mendalami perjuangan kami kamu kenal punya satu prinsip iaitu tidak mementingkan diri sendiri, dalam erti kata lain duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Sesekali letakkan diri kamu sebagai rakyat susah dan apa kamu rasa, sesekali letak diri kamu dalam rakyat yang berpendapatan RM 1500 dan tinggal di bandar besar seperti KL juga ada anak 10 orang dan isteri tidak bekerja dan apa kamu rasa, sesekali letak diri kamu seperti seekor anjing kurap dan apa kamu rasa. Kalau Dr Jafri tidak pernah berfikir begitu, pergi main jauh-jauh dan jadilah manusia yang bongkak seperti Naji\$ Razak dan menteri-menterinya yang bodoh dan tak boleh ditegur dan diajar tu.

Wassalam Tun.



5. [Log in to Reply umranrc](#) May 20, 2016 3:32 AM

Salam Tun,

Mohon laluan untuk berbicara dengan kawan saya PakPandir08.

Ulasan penulisan PakPandir08 yang pada pendapat saya adalah penulisan yang berhemah serta berniat baik.

"Dahulunya Tun menyeru tumpahkan Abdullah, dan katakan yang baru akan menjadi lebih baik. Tetapi apa yang jadi sekarang? Apa yang jadi ialah Tun kecam yang baru itu lebih teruk dari yang lama."

– Kita ni manusia, sebagai contoh, pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga sebenarnya mengambil risiko yang besar! Mereka tidak akan tahu sifat buruk pasangan masing-masing selagi mereka belum tinggal sebumbung. Maksudnya, Tun berharap sangat Dato' Sri Najib membawa kebaikan yang nyata untuk Negara setelah melihat kekurangan Tun Abdullah, tetapi ternyata sebaliknya yang berlaku.

"Sekiranya kecaman Tun itu benar, maka ia membuktikan pertukaran individual semata-matanya tidak akan menjamin yang lebih baik dengan yang baru. Kenapa Tun tidak memberi ulasan terhadap sistem yang lebih menjamin agar perkara yang sama tidak diulangi? Tukar orang sahaja itu sudah memadai?"

– Dalam beberapa wawancara yang dihadiri Tun, saya dapati ada juga ulasan Tun mengenai perkara ini. Sedikit sebanyak Tun ada melahirkan sebabnya kerana mengubah sistem diwaktu itu dimana kuasa mutlak terletak pada hanya satu orang sahaja. Tun juga ada melahirkan kata-kata dimana perubahan hanya boleh dilaksanakan setelah Dato' Sri Najib turun. Disini saya harap perubahan positif dapat dilaksanakan, insya Allah.

"Sistem sekarang telah membuktikan tiada kesalahan yang berlaku. Sekiranya Tun mempertikaikan ketelusan sistem yang sedia ada, maka ia hanya memalukan Tun kerana sistem yang sedia ada merupakan legasi pentadbiran Tun sendiri"

– Walaupun kita punyai bukti jelas mengenai salah laku (Wang Aliran SRC kedalam akaun peribadi Dato' Sri Najib), oleh kerana lantikkan jawatan Pendakwa Raya berdasarkan syor dari PM, sedikit sebanyak pernyataan PakPandır08 diatas ini ada kebenarannya. Namun begitu, dengan kenyataan yang sedemikian, secara tidak langsung PakPandır08 mengakui adanya salah laku berlaku. Bagaimanapun, perubahan sistem harus dilakukan untuk kebaikkkan Negara dimasa hadapan.

“Kenapa kamu membodek secara membuta? Tak nampak kah kecaman itu lebih cenderung kepada serangan peribadi?”

– Secara membuta? Maaf PakPandır08, sebagai seorang jurutera, 'there is no place for nonsense', saya menulis menurut fakta yang ada. Serangan peribadi? Tidak pada pendapat saya kerana serangan hebat ini dibuat setelah nasihat demi nasihat telah pun diberikan sebelum ini memandangkan kesan yang negatif pada Negara oleh kecurangan pemerintahan.

“Tiada pendekatan yang disampaikan tentang cara memulihkan keadaan sekarang. Hanya katakan tukar orang itu sudah cukup dan akan menjadi baik secara automatik”

– Benar PakPandır08, saya, sedikit-sebanyak berharap juga Tun membuat sedikit ulasan untuk merangka perubahan yang perlu supaya perkara sebegini tidak berulang semula. Tetapi kita juga harus faham, dengan umur yang sudah menjangkau 91 tahun, apa masihkah kita berharap pada Tun semata-mata untuk merangka masa depan Negara? Saya kira dengan kecerdikkan PakPandır08, apa kata PakPandır08 sendiri membuahkkan pendapat mengenainya?

“Sejarah mengundurkan Abdullah itu tidak mencukupi sebagai satu pengajaran?”

– Soalan tambahan ini merujuk kepada perkara diatas, diakui bahawa perlunya perubahan sistem untuk menjamin masa depan yang lebih baik.

“Tampilkan diri dan mengaku sahaja apakah kesilapan yang dilakukan dahulu, dan apakah pendekatan yang diperlukan untuk memulihkan keadaan”

– Rasanya dengan merendahkan diri Tun berkempen disana dan disini, diperlekehkan, dihina dan dikecam oleh pelbagai pihak, rasanya ini sudah lebih memadai untuk menunjukkan rasa penyesalan Tun akan sejarah yang telah berlaku. Pada pendapat saya, sekarang ini pandangan Tun adalah lebih tertumpu untuk memulihkan maruah Negara yang teruk tercemar dimasa ini.

“Perangai yang asyik menyalahkan orang lain itu sampai hari ini, tidak akan membantu dan mendapat sokongan yang padu?”

– Seperti jawapan diatas, Tun telah menerima lebih sejuta tanda tangan 'Deklarasi Rakyat', ini bermakna pandangan serta tindakan Tun masih mendapat persetujuan ramai.

“Demi agama, bangsa dan negara? Memanglah kamu buta sangat dengan laungan ahli politik yang pandai berpolitik”

– Buta? Rasanya tidak. Adakah PakPandır08 ahli politik? Saya tidak, kerana terlalu banyak halangan serta rintangan yang harus ditentang untuk berkerjaya di arena politik ini. Biarkanlah mereka berpolitik, kita sebahagian dari rakyat yang celik ini, kita ambil dan fikirkanlah buah fikiran mereka secara waras. Sekiranya jelas bertentangan dengan aspirasi sendiri, kita undilah yang lain.

Terima Kasih PakPandir08.

Terima Kasih Tun.

p/s Dear TokJangut, your name was mistakenly quoted in my comment below – sorry. Already at 03:32, got mixed-up in the names.



6. [Log in to Reply umranrc](#) May 20, 2016 3:02 AM

Salam Tun,

Mohon laluan untuk berbicara dengan kawan saya TokJangut.

Ulasan penulisan TokJangut yang pada pendapat saya adalah penulisan yang berhemah serta berniat baik.

“Dahulunya Tun menyeru tumpahkan Abdullah, dan katakan yang baru akan menjadi lebih baik. Tetapi apa yang jadi sekarang? Apa yang jadi ialah Tun kecam yang baru itu lebih teruk dari yang lama.”

– Kita ni manusia, sebagai contoh, pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga sebenarnya mengambil risiko yang besar! Mereka tidak akan tahu sifat buruk pasangan masing-masing selagi mereka belum tinggal sebumbung. Maksudnya, Tun berharap sangat Dato’ Sri Najib membawa kebaikan yang nyata untuk Negara setelah melihat kekurangan Tun Abdullah, tetapi ternyata sebaliknya yang berlaku.

“Sekiranya kecaman Tun itu benar, maka ia membuktikan pertukaran individual semata-matanya tidak akan menjamin yang lebih baik dengan yang baru. Kenapa Tun tidak memberi ulasan terhadap sistem yang lebih menjaminkan agar perkara yang sama tidak diulangi? Tukar orang sahaja itu sudah memadai?”

– Dalam beberapa wawancara yang dihadiri Tun, saya dapati ada juga ulasan Tun mengenai perkara ini. Sedikit sebanyak Tun ada melahirkan sebabnya kerana mengubah sistem diwaktu itu dimana kuasa mutlak terletak pada hanya satu orang sahaja. Tun juga ada melahirkan kata-kata dimana perubahan hanya boleh dilaksanakan setelah Dato’ Sri Najib turun. Disini saya harap perubahan positif dapat dilaksanakan, insya Allah.

“Sistem sekarang telah membuktikan tiada kesalahan yang berlaku. Sekiranya Tun mempertikaikan ketelusan sistem yang sedia ada, maka ia hanya memalukan Tun kerana sistem yang sedia ada merupakan legasi pentadbiran Tun sendiri”

– Walaupun kita punyai bukti jelas mengenai salah laku (Wang Aliran SRC kedalam akaun peribadi Dato’ Sri Najib), oleh kerana lantikkan jawatan Pendakwa Raya berdasarkan syor dari PM, sedikit sebanyak pernyataan TokJangut diatas ini ada kebenarannya. Namun begitu, dengan kenyataan yang sedemikian, secara tidak langsung TokJangut mengakui adanya salah laku berlaku. Bagaimanapun, perubahan sistem harus dilakukan untuk kebaikan Negara dimasa hadapan.

"Kenapa kamu membodek secara membuta? Tak nampak kah kecaman itu lebih cenderung kepada serangan peribadi?"

– Secara membuta? Maaf TokJangut, sebagai seorang jurutera, 'there is no place for nonsense', saya menulis menurut fakta yang ada. Serangan peribadi? Tidak pada pendapat saya kerana serangan hebat ini dibuat setelah nasihat demi nasihat telah pun diberikan sebelum ini memandangkan kesan yang negatif pada Negara oleh kecurangan pemerintahan.

"Tiada pendekatan yang disampaikan tentang cara memulihkan keadaan sekarang. Hanya katakan tukar orang itu sudah cukup dan akan menjadi baik secara automatik"

– Benar TokJangut, saya, sedikit-sebanyak berharap juga Tun membuat sedikit ulasan untuk merangka perubahan yang perlu supaya perkara sebegini tidak berulang semula. Tetapi kita juga harus faham, dengan umur yang sudah menjangkau 91 tahun, apa masihkah kita berharap pada Tun semata-mata untuk merangka masa depan Negara? Saya kira dengan kecerdikan TokJangut, apa kata TokJangut sendiri membuahkan pendapat mengenainya?

"Sejarah mengundurkan Abdullah itu tidak mencukupi sebagai satu pengajaran?"

– Soalan tambahan ini merujuk kepada perkara diatas, diakui bahawa perlunya perubahan sistem untuk menjamin masa depan yang lebih baik.

"Tampilkan diri dan mengaku sahaja apakah kesilapan yang dilakukan dahulu, dan apakah pendekatan yang diperlukan untuk memulihkan keadaan"

– Rasanya dengan merendahkan diri Tun berkempen disana dan disini, diperlekehkan, dihina dan dikecam oleh pelbagai pihak, rasanya ini sudah lebih memadai untuk menunjukkan rasa penyesalan Tun akan sejarah yang telah berlaku. Pada pendapat saya, sekarang ini pandangan Tun adalah lebih tertumpu untuk memulihkan maruah Negara yang teruk tercemar dimasa ini.

"Perangai yang asyik menyalahkan orang lain itu sampai hari ini, tidak akan membantu dan mendapat sokongan yang padu?"

– Seperti jawapan diatas, Tun telah menerima lebih sejuta tanda tangan 'Deklarasi Rakyat', ini bermakna pandangan serta tindakan Tun masih mendapat persetujuan ramai.

"Demi agama, bangsa dan negara? Memanglah kamu buta sangat dengan laungan ahli politik yang pandai berpolitik"

– Buta? Rasanya tidak. Adakah TokJangut ahli politik? Saya tidak, kerana terlalu banyak halangan serta rintangan yang harus ditentang untuk berkerjaya di arena politik ini. Biarkanlah mereka berpolitik, kita sebahagian dari rakyat yang celik ini, kita ambil dan fikirkanlah buah fikiran mereka secara waras. Sekiranya jelas bertentangan dengan aspirasi sendiri, kita undilah yang lain.

Terima Kasih TokJangut.

Terima Kasih Tun.

7.  [Log in to Reply HouseWife](#) May 19, 2016 5:18 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, many chedetizens here taksab with Tun? So? This is jolly good for Tun. Other parties also have their own 'taksabs' kan Tun. Just let us be, the chedetizens will jaga our very own beloved "Doctor in the House".

As for myself, without even meeting Tun or even near an inch to Tun, this kecintaan to Tun muncul secara semulajadi, ikhlas tanpa di'beli'. Ia lahir kerana dapat 'merasai' kerja keras Tun memandu negara ini ke arah kemajuan dengan 'good intentions' bukan dengan 'bad faith'.

Tun, tak masuk dalam mana2 parti politik kan. Now Tun is jobless la. No jawatan in and outside the gomen. So to me Tun is an activist la kan...not a politician. Tun is voicing out, on the people's behalf, on DSN's misdeeds, misappropriate, mislead, misgovern, mishandle, mismanage, miscarriage, mischief of the country's wealth, resources, funds, justice, trusts, and lawful authorities. It's very annoying, when knowingly with facts dished out in front but still make 'do-no', yet many so taksab with his many 'mises'. He has the habit of dishing out loads of money and promises and 'habuan' to win the people's hearts and votes. I don't like this kind of person to manage my 'house'(our country) and neither will I allow his 'protectors' to stay. So I don't mind being Tun's taksab as long as my 'house' is safe and clean from these unwanted 'intruders'.

Tun, pasal surat AI yang sengaja di bawa keluar tu, jangan ambil peduli sangat. Itu hanya tektik mereka untuk mengalih perhatian Tun daripada tugas Tun sebenar, iaitu menyedarkan rakyat akan kelicikan dan 'kreativiti' DSN dan gang dalam manipulate rakyat dengan fear-mongering, religious insecurities dan mungkin simpati.

Tun, jiran2 saya cina, pergi bengkel kereta pun tauke cina, pergi kedai hardware pun tauke cina, mereka ni lama sebelum wujud isu skandal 1MDB pun dah cakap ekonomi sangat teruk. Saya pun hairan sebab dalam paper tv semua baik2 belaka. Dan mereka berani mencerita pasal DSN, and what they said are not good happy thoughts of DSN and his family. Ini tauke2 bisnes kecil2 je. So DSN should go down to the people below and hear what they have to say. Tapi sapa berani cakap depan2 orang2 besar kan Tun, orang dalam gomen lagi la kena tutup mulut. So sad. DSN must be told upfront and make aware that he cannot think of himself as the ever powerful and that no-one or nothing can bring him down. He must realised that his many creations of the financial scandals are bringing Malaysia down with him. And Tun and friends are here to make sure that this does nor happen, Insyallah. So please everyone, join together and Save Malaysia.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Take extra care of your safety Tun. And Thank you Tun.

8.  [Log in to Reply milshah](#) May 19, 2016 4:55 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya nak komen sikit berkenaan pilihanraya kecil yang bakal diadakan. Saya tidak faham mengapa perlu berebut kerusi antara Pas dan pakatan yang lain. Kalau menang pun, bukannya kerajaan BN

tumbang pun. Percayalah, kalau asyik bergaduh, semua nak tunjuk power, akhirnya jadi 3 way fight, akhirnya BN menang sebab undi pembangkang berpecah dua. Kalau BN menang, perkara pertama diorang akan cakap, rakyat masih sokong Najib. Korang nak ke itu berlaku?

Jadi ingat matlamat utama ialah nak tubuhkan kerajaan melalui PRU 14, kena wujud satu kerjasama. Kena give and take.

Ni gaduh2, last2 BN menang lagi PRU 14, habuk je dapat. Memang Najib jadi the happiest PM di dunia kalau ini berlaku.



9. [Log in to Reply Dr Jafri](#) May 19, 2016 11:10 AM

Saya perhatikan ramai di sini yg taksub dgn Tun. Walaupun ianya satu kelebihan bagi Tun, namun pengikut yg taksub sering terlepas pandang dan gagal kerana emosi mereka membenam kewarasan aqal, dan mereka jadi meroyan serta tidak objektif dlm berhujah bagi pihak Tun.

Mempercayai seorang tokoh, apalagi bila dianya orang politik, perlulah berpada-pada. Dan ini meliputi semua kem, gang dan team yg ada.



10. [Log in to Reply Hajar](#) May 18, 2016 12:56 PM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi & DiSanjungi Tun,

1. Mereka yang bersekongkol dengan DSN ialah PENGKHIANAT kepada Parti, Agama, Bangsa dan Negara.

2. Pemimpin2 UMNO yang dipilih rakyat sebagai wakil rakyat @ YB sepatutnya sedar bahawa mereka sepatutnya jadi orang YANG BERKHIDMAT/ BEKERJA (YB) untuk rakyat.

3. Namun hakikatnya majoritinya sekarang ini nampak tidak menjalankan AMANAH yang diberi rakyat dan tidak berkhidmat untuk rakyat seperti yang diwajibkan. Mereka ini KHIANAT terhadap amanah rakyat, dan ini (seperti kata 'Dr. Jafri' yang 'bijak bistari') merupakan salah satu sifat orang MUNAFIK. Kata Dr. Jafri: "1. Khianat adalah salah satu petanda seorang Munafiq. Satu lagi tanda orang Munafiq ialah apabila dia bertengkar, dia berkempen mengguna kata-kata kesat dan fitnah untuk sakitkan hati lawannya." Amat tepat sekali.

4. Ditambah pula dengan skandal2 DSN melibatkan wang berBILLION ringgit (BUKTI nya: RM2.6 BILLION pernah ada DALAM AKAUN PERIBADI DSN – 'Saudara Neezam72' – sila ambil maklum; A-G pun sudah SAHKAN duit dalam akaun DSN; DSN juga mengaku) yang sebahagiannya diagih-agihkan kepada YBs dalam UMNO/BN. Ini merupakan salah laku PECAH AMANAH (perbuatan KHIANAT – sekali lagi 'Dr. Jafri' betul).

5. DSN & gang juga banyak BERBOHONG (juga sifat MUNAFIK – berdusta).

6. Rejim Najib juga MUNGKIR janji kepada pengundi2 di Kedah. Janji: jika BN menang di Kedah, DSMM dilantik jadi MB. Belum cukup sepenggal, DSMM sudah diganti walaupun majoriti rakyat selesa

dengan DSMM. Yang tidak selesa dengan DSMM ialah rejim Najib (who cares!); dan mungkir janji kepada para pengundi yang mengundi UMNO/BN yang dianak-tirikan. Sifat munafik.

7. Mereka juga menghina/memfitnah Tun M (TSMY, DSMM, dll) tanpa bukti dengan keterlaluan (melampaui batas) – sifat munafik. Pendek kata, Dr. Jafri yang 'bijak bistari' cuma 'meludah ke langit, jatuh balik ke atas muka sendiri'. Alahai...

8. Insaflah wahai para pemimpin UMNO (YBs / Ketua2 Bahagian) yang sekarang ini menyokong 'Parti NAJIB' yaitu parti 'baru' yang sudah tidak lagi bertunjangkan perjuangan asal UMNO yang sepatutnya berjuang untuk 'Agama, Bangsa, dan Tanahair/Negara'.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*



11. [Log in to Reply](#) **mofaham58** [May 18,2016 4:29 AM](#)

Assalamualaikum W.Wb.

Tun yg dikasihi,

Pernah Najibangkai berkata baru baru ini nak rehuffle menteri menteri cabinet tak lama lagi. Saya rasa patut dia pertimbangkan Six Million Dollar man jadi Menteri Dalam Negeri. Sejarah pengalaman beliau sungguh canggih. Saya rasa apabila beliau jadi Menteri Dalam negeri beliau boleh ;ah mewujudkan wilayah baru. kalau sekarang ada Wilayah Persekutuan , nanti bila dia jadi menteri dalam negeri boleh lah wujudkan Wilayah Khas Bangla di setiap negeri di Malaysia. jadi banyak sikit warga Bangla di sini. Nanti pilihan raya 14 senang sikit. Warga banyak dan duit pun dapat banyak.. Maklum lah warga Bangla boleh bagi KDN banyak sikit setiap kepala. Jadi songkok six million dollar man boleh lebih miring lagi dan tajam. Bagaimana Najibangkai....Setuju tak ? Boleh sama sama dapay 50billion.... Waslam.



12. [Log in to Reply](#) **mofaham58** [May 18,2016 4:19 AM](#)

Assalamualaikum W.Wb.

Tun yg di kasihi,

Just a throw for your consideration.

Perhaps Khairudin Abu Hasan dan Mathias Chang patut di calonkan untuk PRK mendatang ini sebagai calon independent mewakili Deklarasi Rkayat. Semua parti pembangkang di runding supaya tidak bertanding. Streetfight one to one. Saya rasa 2 calon ini mewakili deklarasi rakyat akan menang kerana mereka telah melalui fasa pahit dalam mengeakkan kebenaran. Will be a good try kerana mereka ini jadi wakil independent dan ada sejarah perjuangan. Ada mileage. Cuba cuba lah pertimbangkan. Saya rasa telur najib akan kecut sampai hilang kot....

Wasalam.



13. [Log in to Reply](#) **mofaham58** [May 18,2016 4:08 AM](#)

Assalamualaikum W.Wb.

Tun yg di kasihi,

Semalam beberapa menteri bodoh telah mengeluarkan beberapa komen yang jelas melahirkan kebimbangan mereka terhadap PRK yang akan datang.

Menteri seluar dalam mengugut akan mengambil tindakan undang undang terhadap pengkritik 1 MDB. Ugutan ini seperti seorang samseng. Jelas menunjukkan menteri seluar dalam dengan berlagak begitu telah menyalah gunakan kuasa. Betul lah rakyat Malaysia sekarang hidup dalam ketakutan seperti tersiar di ANC news beberpa ketika lalu.

Menteri buah play cheeky cheek pula mengatakan bahawa Tun sekarang menyuruh rakyat menjatuhkan BN dengan mengundi pembangkang dalam PRK akan datang jelas menunjukkan play nya dah kecut kerana merasai BN akan kalah dalam PRK mendatang. Dia mengibaratkan Tun seperti ingin membunuh anak sendiri. Mungkin dia ini bodoh agak nya. Kalau dah bodoh turun lah daripada menjadi menteri. Kalau dah anak nya terlampau kurang ajar dan mencunting arang kemuka keluarganya memang wajar di hukum bunuh @ rejam sampai mati. Bukan kah Malaysia mempunyai undang undang menggantung orang sampai mati > Jadi tiada beza nya...Bodoh dan goblok sangat lah kau ni...

Menteri betina penjilat ni pula mengatakan penyuntingan perenggan di laporan PAC kerana perenggan itu Private & Confidential information. Hey betina bodoh lagi penjilat... berapa punya bodoh lah kau nii....Kau ingat kau jilat sangat tu kau boleh dapat kawin dengan dia ke ? Fat Hope because ada si fatty.....

Ada lagi satu menteri bodoh tu asyik nak bertumbuk aja kerja dia....Jadi samseng gedebeh ke???? Otak lembu betul.....

Mana menteri magama dan mufti mufti semua ? Tak nak tegur ke GST yang telah membawa kesengsaraan kepada rfakyat jelata.... GST INI ADALAH SATU SISTEM PERCUKAIAN YANG TIDAK ISLAMIK.....PERHATIKAN LAH BETUL BETUL WAHAI PARA ULAMA DAN TEGUR LAH KEMUNGKARAN INI.....ISLAM TAK AJAR CUKAI ORANG MISKIN....ADAKAH ISLAM MENGAJAR BEGITU ?????? BANGUN LAH KAU DARI TIDUR WAHAI ULAMAK ULAMAK .....JANGAN JADI ULAMAK ROLEX SEBAB NANTI KAMU SEMUA DI PERSOALKAN DI YAUMIL MAHSYAR....

Semoga Tun sentiasa dalam peliharaan Allah SWT dan di berikan kesihatan dan iman yang kuat... Wasalam.



14. [Log in to Reply milshah](#) May 17, 2016 11:40 PM

Assalamualaikum Tun,

Kepada saudara daeng, terima kasih kerana setuju dengan pendapat saya. Saya juga setuju dengan pendapat saudara.

Saya juga hairan kenapa puak sana beriya-iyanya nak mengatakan hanya Tun yang menentang Najib. Hanya Tun yang mengkritik Najib. Hanya Tun yang mahu Najib letak jawatan. Mereka ingin menggambarkan seolah-olah ini perjuangan perseorangan seorang mantan PM untuk jatuhkan PM sekarang.

Habis tu bagaimana yang berjuta-juta rakyat Malaysia yang menyokong Tun? Cubalah lihat di Facebook Tun, setiap hari orang mendoakan Tun sekeluarga sihat dan berterima kasih kepada Tun.

Jauh berbeza di Facebook Najib, lihatlah sendiri komen-komen rakyat Malaysia pada Najib, saya tidak mahu komen. Demikianlah juga Deklarasi Rakyat yang berjaya mendapat pandangan 1 juta lebih rakyat Malaysia.

Jelas, rakyat Malaysia menyokong Tun kerana Tun berada di pihak yang benar.

15.  [Log in to Reply RapidKL](#) May 17, 2016 9:55 PM

Salam Deklarasi Rakyat & Salam perjuangan kpd semua penyokong kebenaran.,

Lama dah saye tak pos pendapat dalam blog chedet ni.

Terima kasih kpd sahabat2 yang terus memberi sokongan kuat kepada blog chedet. Saya ucapkan syabas kepada kalian.

Benda dah terang lagi bersuluh pasal Pee M kite DS Najib ni. Yang masih blur lagi..pergi la carik maklumat & kena rajin mengkaji sebelum nak sokong Najib tu @ duduk atas pagar. Kalau anda sedang berusaha mencari info, teruskan. Mudah2an usaha anda berhasil. Adakalanya, bila disuapkan dengan fakta2 ni..ada yang payah nak terima. Bukan ape, pasalnya..die takde info tepat..nak carik malas..sibuk dgn kehidupan seharian katenye. Tapi bile bagi pendapat dekat sini..die akan tunjukkan kebodohnya, lebih bodoh lagi bila dia menghentam Tun M & membela Najib. Hentam pulak penyokong2 Tun M.

Saye berpendapat..selagi DS Najib menjadi Pee M Malaysia & para penyokong2nya bersekongkol & bermati2an mempertahankannya ( segala isu salah laku tanpa penjelasan yang jelas & konkrit), Insyallah..selagi itu lah negara kita akan ditimpa bala bencana & malapetaka ( Na'uzubillah), kerana penyakit hutang dengan riba' yang bukan alang kepalang ( penyakit yang sama yang meruntuhkan kerajaan Uthmaniyyah ) dan kehidupan rakyat marhaen yang semakin terhimpit & tertekan ( memang kita cukup makan..tapi cukupkah dengan itu aje?) Rakyat dah kenyang makan 'jawapan yang penuh tipu muslihat'. Kita boleh imbas balik seala musibah & bala bencana yang menimpa negara kita selama kita di bawah pentadbiran DS Najib.

Info ? Carik sendiri la..saye tak berhutang ape2 dengan anda.

Kita benci dengan perbuatan Pee M kita, DS Najib. Bukan orangnya. Tapi, bila die tak mau ubah perangai die (menerima pendapat yg baik & bernas) dari pelbagai cabang, sama ada dari mantan PM, MP Malaysia dan desakan rakyat yang semakin terhimpit kehidupan mereka semasa di bawah pentadbiran Pee M DS Najib dengan segala persoalan salah laku & tanggungjawab tanpa jawapan yang konkrit & jelas, kita tidak ada pilihan lain selain dari berusaha bersungguh-sungguh mengangkat Deklarasi Rakyat sebagai misi kita, rakyat Malaysia yang cintakan tanah air.

Sekian.

Salam Deklarasi Rakyat!

Selamat berjuang Tun !

16.  [Log in to Reply musato](#) May 17, 2016 9:53 PM

Assalamualaikum Tun.

Wow...Anwar menulis surat dari penjara kerana risau langkah politik Tun?

Individu yang dikatakan hebat dan berkarisma dalam politik reformasi menjadi risau dengan langkah politik Tun?

Tun suruh BN kalah dalam 2 PRK nanti? Jadi apa masalahnya? Saya pun setuju BN patut kalah dalam 2 PRK nanti.

Saya sebenarnya dah lama tak baca akhbar. Kebetulan terbaca sedikit cerita mengenai MH17 yang dikatakan punyai sedikit sentuhan CIA mengenai penganas.

Dan MH17 dikatakan ditembak oleh pesawat tempur Ukraine, bukan dari BUK.

Saya fikir MH17 telah tersalah ditembak kerana menyangkakan ia adalah pesawat Putin yang kebetulannya sedikit lewat dari laluan tersebut, malah rasanya telah diubah laluan asal.

Tak lama selepas itu Israel juga turut menyalahkan Malaysia kerana dikatakan membantu kemenangan Al Qassam.


Wow...ada jugak ke rakyat Malaysia berjihad di sana?

Wow sangat ke Tun nim?

Kita mintak sikit je ni...BN kalah 2 PRK je nanti, itu pun nak risau dengan permintaan Tun?

Relaks la bro, jangan meroyan...biasa biasa saje tu.

Terima kasih Tun.

17.  [Log in to Reply daeng](#) May 17, 2016 9:41 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya cukup yakin bahawa dalam diri Naji\$ Razak kini terlalu banyak pembohongan.

Ada juga hamba Allah bergelar "neezam72" buta dan pekak maksud pembohongan yang sebenar?

Biarlah saya dihukum berdosa kepada Naji\$ Razak sekiranya mentakrifkan sifat dia sebagai pemimpin yang munafik tidak betul tetapi jika benar Naji\$ Razak ini seorang yang munafik, maka dia berdosa kepada 29 juta orang rakyat Malaysia.


Ada juga hamba Allah bergelar "neezam72" yang tidak dapat membezakan antara dosa seorang iaitu saya ( jika ada ) kepada seorang, antara dosa seorang ( Naji\$ Razak ) kepada 29 juta orang rakyat Malaysia?

Tertarik juga komen dari amir yusof tentang bahayanya rasuah.

Saya nak maklumkan kepada neezam72 bahawa kekalnya Najib Razak hingga kini sebagai PM dan presiden UMNO bukan kerana dia bersih dan suci tetapi kerana Najib rasuahnya.

Terima kasih Cruze terima kasih Tun.

Wassalam.

18.  [Log in to Reply](#) **cruze** [May 17, 2016 8:48 PM](#)

Kami rakyat memohon kepada yang di pertuan Agong dan majlis raja raja agar menghalang Najib dan gabenor bank negara dari menggunakan lagi dana negara untuk membayar hutang syarikat yang Najib tubuhkan tanpa kebenaran rakyat.

Dan peritahkan agar 1MDB membayar semula hutang2 dari agensi GLC yang telah di pinjamnya untuk modal perniagaan 1MDB, SRC dan lain lain syarikat yang tidak mendatangkan.

Ampun Tuanku salam sejahtera semua rakyat Malaysia yang membayar cukai pendapatan.

19.  [Log in to Reply](#) **sibotak** [May 17, 2016 7:29 PM](#)


AGREED

Yang nak di pertikai sekarang bukanlah sangat  
Persoalan Dadah, Persoalan Immigrasi  
Soal ini cerita lama dah lali  
Tak payah lah nak berdalih

Utamakan apa yg perlu di utamakan  
Kepala kalau dah tak betul  
kena betulkan dulu, yg lain jangan di alaskan  
Yg Utama kalau tak betul yg lain pun akan ikut jadi tak betul  
Tak begitu Yg berhormat

Yg berhormat, yg berhormat  
Tolonglah yg berhormat, Hentikan Sandiwara yg berhormat

Yg berhormat, yg Berhormat  
Tolong duduk yg berhormat  
Hai Cabinet Malaysia dengan Speakernya sekali  
Macam Flinstone

20.  [Log in to Reply](#) **The** [May 17, 2016 3:25 PM](#)

The Sultans cannot act because their powers were curtailed by a previous Prime Minister.

21.  [Log in to Reply](#) **Dr Jafri** [May 17, 2016 3:11 PM](#)

### **TELATAH SEORANG 'NEGARAWAN'**

Kempen untuk menjatuhkan seorang PM Malaysia walaupun tidak mustahil untuk dijayakan, bukanlah satu usaha yang mudah. Namun sejak dari zaman Tunku Tun Razak Tun Hussein Tun Abdullah lagi – sudah nampak kelibat peranan satu watak Antagonis, kemunculannya secara senyap-senyap dari belakang tabir membuat setiap PM tersentak kaku dan jatuh berguling di lantai pentas. Drama politik dengan skrip yang hampir sama ini kelihatan bersinambungan hingga sekarang.

Sama ada motif si-Antagonis ini suatu siaran ulangan yang déjà vu bakal menimpa Najib adalah satu spekulasi yang mempunyai asas dan bukti sejarah memang tidak dapat dinafikan lagi.

Pemangsa @predator ini belum pernah tewas, dengan rekod 'cemerlang' menjatuhkan mangsa secara KO dan TKO. Itupun belum lagi diambil kira bangkai bank dan idustri, trofi dan habuan dari kroni Cina/India NEP yang tersorok rapi dalam arkib si-Antagonis dari pertarungan rasmi dan tidak rasmi.

Soalnya sekarang, 'adakah **UMNO dan Najib** bersedia untuk dikorbankan atau akan terus bertarung demi survival Melayu?'

22.  [Log in to Reply](#) **pakpandir08** [May 17, 2016 2:38 PM](#)

Wahai Tun yang dikasihi,

– Dahulunya Tun menyeru tumpahkan Abdullah, dan katakan yang baru akan menjadi lebih baik. Tetapi apa yang jadi sekarang? Apa yang jadi ialah Tun kecam yang baru itu lebih teruk dari yang lama

Wahai Tun yang dikasihi,

– Sekiranya kecaman Tun itu benar, maka ia membuktikan pertukaran individual semata-matanya tidak akan menjamin yang lebih baik dengan yang baru  
– Kenapa Tun tidak memberi ulasan terhadap sistem yang lebih menjamin agar perkara yang sama tidak diulangi? Tukar orang sahaja itu sudah memadai?

Wahai Tun yang dikasihi,

– Sistem sekarang telah membuktikan tiada kesalahan yang berlaku. Sekiranya Tun mempertikaikan ketelusan sistem yang sedia ada, maka ia hanya memalukan Tun kerana sistem yang sedia ada merupakan legasi pentadbiran Tun sendiri

Aduhai pembodek-pembodek,

– Kenapa kamu membodek secara membuta? Tak nampak kah kecaman itu lebih cenderung kepada serangan peribadi?  
– Tiada pendekatan yang disampaikan tentang cara memulihkan keadaan sekarang. Hanya katakan tukar orang itu sudah cukup dan akan menjadi baik secara automatik  
– Sejarah mengundurkan Abdullah itu tidak mencukupi sebagai satu pengajaran?

Aduhai sekalian,

- Tampilkan diri dan mengaku sahaja apakah kesilapan yang dilakukan dahulu, dan apakah pendekatan yang diperlukan untuk memulihkan keadaan
- Perangai yang asyik menyalahkan orang lain itu sampai hari ini, tidak akan membantu dan mendapat sokongan yang padu?
- Demi agama, bangsa dan negara? Memanglah kamu buta sangat dengan laungan ahli politik yang pandai berpolitik

23.  [Log in to Reply](#) **amir yusof** [May 17,2016 1:05 PM](#)

Bung Mooktar telah melontar satu idea yg menarik .

Kenapa perlu berhenti setakat penlesaian masalah dadah di dalam negara saja .

Jenayah-jenayah lain yg memberi impak kepada kesejahteraan rakyat perlu juga diurus.

Satu contoh yg kritikal isu berkaitan rasuah .

Saya bukanlah pengamal undang-undang malah pengetahun saya mengenainya ditahap bawah kosong .

Kita warisi sistem perundangan dari British (pendapat saya saja) undang-undang koloni digunapakai hanya utk rakyat kebanyakan saja yg berkuasa dan berharta mungkin akan terselamat.

Jika kita lihat sebagai contoh ahli-ahli politik di Malaysia boleh di katakan 'banyak lemak' hukuman utk perbuatan jenayah terlalu ringan ?

